

UMS hargai wanita

Dalam menyahut saranan kerajaan ke arah memartabatkan peranan wanita dalam sektor awam

UM 21.7.2014 24

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) sentiasa menyahut saranan kerajaan ke arah memartabatkan 30 peratus peranan kakitangan wanita dalam sektor awam.

Bagi menghargai peranan wanita, UMS baru-baru ini memberi kenaikan pangkat kepada golongan itu yang mempamerkan ciri kepimpinan dan produktiviti kerja cemerlang.

Daripada 66 jumlah kakitangan yang dinaikkan pangkat, 12 daripada adalah kakitangan wanita kumpulan pengurusan dan profesional.

Antara yang menerima kenaikan pangkat itu, Nortir Sirin, Saima Ismail, Kamisah Husin untuk kenaikan Gred 52, manakala, Noor Hapipah Samat untuk Gred 48.

Kenaikan untuk Gred 44 pula menyaksikan seramai enam penerima iaitu Majlimawati Abdul Majid, Hayati Salleh Baihaki, Mashilla Nilus, Stella@Nurul Martini, Molly Donna Datuk Awang Sham dan Suzie Mohamad.

Penerima lain terdiri daripada kakitangan lelaki dan peringkat kumpulan pelaksana.

Majlis penyampaian surat tawaran kenaikan pangkat itu telah disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd. Harun mengingatkan kakitangan yang terpilih supaya melipatgandakan usaha dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab mengurus tadbir universiti dengan cemerlang.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said.



DR. Mohd. Harun (kanan) menyerahkan sijil penghargaan dan kenaikan pangkat kepada salah seorang kakitangan wanita di UMS. baru-baru ini.